



Headline: Pesawah rugi RM30,000 diperdaya sindiket 'Macau Scam' Language: Malay

Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)

Date: 1 December 2020

Section: Tempatan

Page: 4

## **Pesawah rugi RM30,000 diperdaya sindiket 'Macau Scam'**

**ALOR SETAR:** Seorang pesawah kerugian RM30,000 selepas diperdaya sindiket 'Macau Scam' yang mengatakan mangsa kononnya terlibat dalam penyelewengan wang dan sindiket dadah, kelmarin.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah Supt Elias Omar berkata mangsa, lelaki berusia 37 tahun dari Tikam Batu, Sungai Petani pada mulanya dihubungi seorang individu yang mendakwa sebagai pegawai daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Cyberjaya.

"Suspek telah memperkenalkan diri sebagai 'Encik Khairul Anwar' yang mengaku sebagai pegawai LHDN cawangan Cyberjaya dan suspek telah memberitahu mangsa bahawa dia (mangsa)

mempunyai tunggakan cukai berjumlah RM39,800.90.

"Suspek juga memberitahu mangsa bahawa namanya telah disalahgunakan oleh individu lain untuk pendaftaran syarikat di Kuantan, Pahang sebelum menyambungkan panggilan mangsa kepada seorang lagi suspek yang menyamar sebagai anggota polis di Kuantan," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Elias berkata, suspek kedua itu kemudian telah menyoal siasat mangsa dan memaklumkan mangsa kononnya secara tidak langsung terlibat dalam kegiatan penyelewengan wang serta sindiket dadah.

Katanya, suspek kemudian mengarahkan mangsa memindahkan semua wang daripada tiga akaun milik mangsa ke dalam satu akaun sahaja sebelum meminta

mangsa memberikan nombor akaun bank, nombor kad debit dan butiran perbankan.

Menurutnya, mangsa menyedari ditipu selepas membuat semakan ke atas akaun bank miliknya dan mendapati sebanyak RM30,000 telah dipindahkan ke akaun pihak ketiga.

"Mangsa telah membuat laporan polis di Balai Polis Sungai Petani semalam dan satu kertas siasatan telah dibuka dan kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya.

Sehubungan itu, Elias menasihatkan orang ramai supaya tidak mudah percaya dengan panggilan yang diterima oleh pihak yang mendakwa daripada agensi kerajaan atau bank yang meminta maklumat akaun bank kononnya bagi tujuan siasatan atau lain-lain.

— Bernama